

TECHNO CABLE SDN BHD
RANCANGAN PERNIAGAAN (ETR. 300)

DIHASILKAN OLEH
NORASHIKIN ABD HAMID
AZITA ABOO BAKAR
MOHD RAZALI ISMAIL
MOHD FAIZAL ABDUL MANAP
NOORHAIZAH AHMAD SHUHAIMI

DPA 5A
ITM CAWANGAN MELAKA
3 SEP 1997



Institut Teknologi MARA

CAWANGAN MELAKA (Malacca Branch)

Km. 26, Jalan Lendu, 78000 Alor Gajah, MELAKA

PROVOS
(Provost)

Tel: 06-5591002
Fax: 06-5563963

CAMPUS CAWANGAN:
(BRANCH CAMPUSES)

Alor Gajah
Tel: 088-492733/492746
Fax: 088-492900

Perlis
Tel: 04-9861423/9861299
Fax: 04-9862233

Rawak
Tel: 082-441219/441204
Fax: 082-443522

Seremban
Tel: 09-8441711/8441370
Fax: 09-8441166

Taiping
Tel: 07-9471560/9421550
Fax: 07-9471588

Perak
Tel: 05-6883996/6881993
Fax: 05-6881311

Ipoh
Tel: 09-4663323/4663815
Fax: 09-4663343

Kuantan
Tel: 09-9754302/9754300
Fax: 09-9754318

Malaya Pinang
Tel/Fax: 04-5371084

PP Sect. 17
Tel: 03-5482211
Fax: 03-5482247

Tarikh: 24hb. Jun 1997
(Date)

Surat Tuan:
(Your Ref.)

Surat Kami 100-CM(AKA 37/B)
(Our Ref.)

KEPADA SESIAPA YANG BERKENAAN

Tuan,

Sukacita dimaklumkan bahawa pelajar-pelajar yang tersenarai namanya di bawah adalah pelajar Kursus Diploma Pentadbiran Awam di Institut Teknologi MARA, Melaka. Mereka telah ditugaskan untuk membuat penyelidikan sebagai memenuhi syarat matapelajaran mereka.


<u>Bil.</u>	<u>Nama Pelajar</u>	<u>No. ITM</u>
1.	Mohd Razali Ismail	95710367
2.	Mohd Faizal Abdul Manap	95698558
3.	Azita Aboo Bakar	95499984
4.	Noorhaizah Ahmad Shuhaimi	95496565
5.	Norashikin Abdul Hamid	95520778

Sukacita saya sekiranya dapat tuan membantu mereka dengan maklumat-maklumat yang berkaitan untuk menjayakan projek kajian mereka. Segala maklumat yang diperolehi akan digunakan semata-mata untuk tujuan akademik dan tidak akan disebar kepada umum.

Kerjasama tuan saya dahului dengan ucapan ribuan terima kasih.

Sekian.

Yang benar,


ROZALLI HASHIM
Ketua Kursus DPA
ITM Melaka
b/p Provos



Techno Cable Sdn. Bhd.
Diploma Pentadbiran Awam (5 A)
Institut Teknologi Mara
Cawangan Melaka
Kilometer 26, Jalan Lendu
78000 Alor Gajah
Melaka.

Tarikh: 27 Ogos 1997

Dr. Yusof bin Hashim
Pensyarah Asas Keusahawanan (ETR 300)
Institut Teknologi Mara
Cawangan Melaka
Kilometer 26, Jalan Lendu
78000 Alor Gajah
Melaka.

Assalamualaikum w.b.t.

Tuan,

Penyerahan Laporan Rancangan Perniagaan Pemasangan Kabel Telefon

Berhubung perkara di atas, kami kumpulan TECHNO CABLE SDN. BHD. dengan sukacitanya ingin menyerahkan Rancangan Perniagaan sebagaimana yang telah diamanahkan kepada kami mengikut tatacara dan dengan prosedur yang telah ditetapkan bersesuaian dengan projek kami bagi memenuhi syarat pengajian semester 05 Pentadbiran Awam.

2. Tujuan laporan ini disediakan adalah sebagai garis panduan bagi pihak-pihak berkenaan untuk menilai kemampuan dan kekuatan perniagaan kami. Kami memilih projek ini adalah disebabkan penggunaan telekomunikasi yang semakin berkembang pesat di dalam negara ini selaras dengan perkembangan pembangunan negara.
3. Kami berasa bersyukur kerana telah berjaya menyiapkan Rancangan Perniagaan ini dan berharap agar laporan ini dapat memberi manfaat kepada bakal-bakal usahawan yang berminat untuk menceburi bidang ini.
4. Kami berharap pihak tuan dapat menilai Rancangan Perniagaan kami ini dengan sebaik mungkin serta berpuas hati dengan laporan yang telah kami siapkan ini.
5. Kami ingin mengambil kesempatan ini untuk merakamkan jutaan terima kasih kepada pihak tuan di atas segala tunjuk ajar dan nasihat yang telah diberikan serta kepada semua pihak yang telah terlibat secara langsung atau tidak langsung dalam membantu kami menyiapkan Rancangan Perniagaan ini.

Sekian, terima kasih. Wassalam.

Yang benar

.....

(NORASHIKIN BT. ABDUL HAMID)

PENGARAH URUSAN

SINOPSIS

Rancangan pemasangan Kabel Telefon adalah satu projek yang agak mencabar dan menjanjikan pulangan yang lumayan. Kami merancang untuk menubuhkan syarikat kami pada tahun 2000 dalam bentuk syarikat sdn bhd yang terdiri daripada lima orang pemegang syer iaitu :

NORASHIKIN ABDUL HAMID	- PENGARAH URUSAN
AZITA ABOO BAKAR	- PENGURUS PENTADBIRAN
MOHD FAIZAL ABDUL MANAP	- JURUTERA PROJEK
MOHD RAZALI ISMAIL	- PENGURUS PEMASARAN
NOORHAIZAH AHMAD SHUHAIMI	- PENGURUS KEWANGAN

Syarikat kami diberi nama TECHNO CABLE SDN BHD dan adalah milik penuh 100% syarikat bumiputera dengan mempunyai lesen kelas CP (Kerja-kerja awam dan kabel agihan) melalui Pusat Khidmat Kontraktor. Kerja-kerja awam dan kabel agihan merujuk kepada kerja-kerja pemasangan kabel yang akan syarikat kami kendalikan.

Modal permulaan syarikat kami terdiri daripada modal berbayar sebanyak RM60 000 (saham biasa berharga RM 1 setiap satu) melalui sumbangan ahli dan modal dibenarkan sebanyak RM 100 000 (saham biasa berharga RM 1 setiap satu) melalui pinjaman bank. Syarikat kami akan menjalankan kerja-kerja untuk Telekom Malaysia Berhad bagi kawasan selatan di bawah sistem JKH (Jadual Kadar Harga) untuk tahun 2000 dengan nilai sebanyak

RM 500 000 setahun.